



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	15/1/2019	MUKA SURAT	:	45
JABATAN	:	KATS / PANDA / ZOO NEGARA			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



MAT NAIM RAMLI

Anak panda kedua sihat, aktif

KUALA LUMPUR 14 Jan. - Anak panda kedua di bawah jagaan Zoo Negara yang hari ini genap setahun sejak dilahirkan 14 Januari tahun lalu berada dalam keadaan sihat dan aktif.

Pengarah Zoologi dan Veterinar Zoo Negara, Dr. Mat Naim Ramli berkata, walaupun anak panda kepada pasangan Xing Xing dan Liang-Liang itu tidak seagresif anak mereka yang pertama namun kesihatannya berada tahap memuaskan.

Menurut beliau, diet makanan yang diberikan kepada anak panda itu membolehkan beratnya kini mencecah 34 kilogram.

"Anak panda ini masih bergantung kepada susu dan kadang-kadang mencuri makanan yang kami sediakan untuk ibunya.

"Kami juga akan sentiasa memantau perkembangannya dengan memastikan diet yang diambil seimbang dan bersesuaian," katanya selepas sambutan hari kelahiran pertama anak panda itu di Zoo Negara di sini hari ini.